

Dewan perniagaan diminta jalin kerjasama

BH-24/7/2007

Sumbangan mampu satukan penduduk, tingkat ekonomi: PM

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu dewan perniagaan pelbagai kaum di negara ini menjalin kerjasama dalam merencanakan pembangunan ekonomi negara, sekali gus membantu mencapai matlamat negara maju menjelang 2020.

Perdana Menteri berkata, selain membangunkan negara, sumbangan pihak terbabit lebih bermakna kerana ia mampu menyatukan padukan semua kaum di negara ini.

“Matlamat ini untuk memastikan masa depan negara terus cemerlang dan ia dapat dicapai hasil sumbangan semua kaum termasuk Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) yang selama ini berperanan dalam membangunkan negara.

“Adalah penting untuk kita bersatu padu bagi mencapai kecemerlangan dan kesejahteraan kerana melalui

kerjasama itu banyak perkara boleh dilakukan untuk negara ini,” katanya menerusi rakaman video pada majlis makan malam sempena ulang tahun ke-60 ACCCIM di sini, malam tadi.

Pada majlis berkenaan, ACCCIM turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Dewan Perniagaan dan Industri Cina-Singapura dan Institut Integriti Malaysia (IIM).

Turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan; dan Presiden ACCCIM, Tan Sri William Cheng.

Abdullah berkata, selama 60 tahun lalu, ACCCIM kekal berada di landasan betul dalam memajukan sektor

perniagaan dan ekonomi dan sehubungan itu pengalaman yang ada tentu mampu terus melakar pelbagai kejayaan.

“Sudah tentu pengalaman ACCCIM dapat dikongsi bersama dengan komuniti perniagaan lain se-

perti yang dilakukan dalam membangunkan perusahaan kecil sederhana (PKS),” katanya.

Beliau juga berterima kasih atas sokongan ACCCIM ke atas projek pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor dan berharap perhatian sama diberikan kepada pembangunan wilayah lain, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Sementara itu, Ong berkata, kerajaan akan terus memberi perhatian kepada komuniti perniagaan di negara ini kerana ia antara sektor penyumbang penting terhadap kemantapan sektor ekonomi.

“Malah, kehadiran ramai anggota Kabinet termasuk Ketua Setiausaha Negara dan Timbalan Menteri membuktikan pentingnya peranan ACCCIM di negara ini, malah ia menunjukkan pendirian kerajaan yang mesra perniagaan dan sentiasa mencari jalan terbaik untuk meningkatkan sistem penyampaian dalam kerajaan,” katanya.

FAKTA NOMBOR

ACCCIM

36

Jalinan kerjasama dengan dewan perniagaan luar negara

15

Gabungan dewan perniagaan